



FAQ (VERSI BAHASA MALAYSIA)


Kategori: *SSM Digital Certified True Copy (DCTC) QR Code Reader*

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah <i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC) QR Code Reader</i> ?	<i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC) QR Code Reader</i> merupakan satu aplikasi yang menyediakan perkhidmatan bagi semakan dokumen atau produk Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang disahkan benar secara digital atau lebih dikenali sebagai SSM DCTC menggunakan aplikasi mudah alih.
2.	Bagaimanakah cara untuk mendapatkan aplikasi ini?	Aplikasi ini boleh diakses dengan memuat turun aplikasi <i>SSM DCTC QR READER</i> ke telefon pintar melalui <i>Google Play</i> (Android), <i>App Store</i> (iOS) atau <i>Huawei AppGallery</i> .
3.	Adakah sebarang bayaran dikenakan bagi memuat turun aplikasi ini?	Tidak. Aplikasi ini boleh dimuat turun secara percuma.
4.	Bagaimanakah cara untuk menggunakan aplikasi ini?	Cara-cara untuk menggunakan aplikasi ini adalah seperti berikut: i. Pertama, klik ikon MySSM yang terdapat pada telefon pintar; 

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<p>ii. Kemudian, muka hadapan MySSM akan terpapar;</p>  <p>iii. Klik ikon <i>SSM DCTC QR Code Reader</i>;</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<div data-bbox="919 228 1205 833" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="785 873 1751 911">iv. Klik <i>Tap Screen To Scan</i> untuk mengimbas kod QR;</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<div data-bbox="919 228 1230 889" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="793 971 1906 1047">v. Tujukan kamera telefon pintar ke kod QR yang terdapat di bahagian bawah dokumen SSM DCTC;</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		 <p data-bbox="772 781 1367 846">i. vii.</p> <p data-bbox="772 854 1896 927">viii. Sekiranya imbasan berjaya, dokumen DCTC yang diakui sah akan dipaparkan di skrin telefon pintar; dan</p> <p data-bbox="772 971 1780 1044">ix. Pastikan salinan yang terpapar di telefon pintar sama Seperti dokumen yang dicetak.</p>
5.	Mengapakah hasil imbasan kod QR memaparkan notifikasi "CTC record is valid. The document is not available. Please contact enquiry@ssm.com.my for further clarification"?	<p data-bbox="772 1092 1896 1166">Notifikasi ini akan terpapar sekiranya carian berjaya dilakukan tetapi imej produk atau dokumen DCTC tidak disimpan di dalam rekod SSM.</p> <p data-bbox="772 1206 1896 1279">Bagi sebarang pertanyaan dan aduan, sila kemukakan kepada enquiry@ssm.com.my.</p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN
6.	Mengapakah hasil imbasan kod QR memaparkan notifikasi "CTC document generated with expired public key. Please contact enquiry@ssm.com.my for further clarification."	<p>Notifikasi ini akan terpapar sekiranya dokumen DCTC yang dikeluarkan menggunakan <i>public key</i> yang telah luput tarikh.</p> <p>Bagi sebarang pertanyaan dan aduan, sila kemukakan kepada enquiry@ssm.com.my.</p>
7.	Mengapakah hasil imbasan kod QR memaparkan notifikasi "Invalid CTC QR Code"?	Notifikasi ini akan terpapar sekiranya kod QR yang diimbas tidak dijana oleh SSM.

FAQ (VERSI BAHASA MALAYSIA)

Kategori: *SSM Digital Certified True Copy (DCTC) Web Checker*

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah itu <i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC) Web Checker</i> ?	<i>SSM Digital Certified True Copy (DCTC) Web Checker</i> merupakan satu sistem yang menyediakan perkhidmatan bagi semakan dokumen atau produk Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang disahkan benar secara digital atau lebih dikenali sebagai SSM DCTC menggunakan web.
2.	Bagaimanakah cara untuk mendaftar sebagai pengguna kepada <i>web checker</i> ini?	<ol style="list-style-type: none">i. Buka <i>internet browser</i> dan taip https://ssm4u.com.my.ii. Klik "<i>REGISTER</i>" untuk mendaftar ID pengguna.iii. Klik "<i>SIGN IN</i>" dan masukkan ID pengguna dan kata laluan sekiranya telah berdaftar di SSM4U.iv. Kemudian, klik icon "<i>DCTC READER & CHECKER</i>". Skrin <i>Web Checker</i> akan dipaparkan.
3.	Bagaimanakah cara untuk membuat carian dokumen atau produk DCTC melalui <i>web checker</i> ini?	Apabila skrin <i>Web Checker</i> dipaparkan, isikan maklumat nombor siri dokumen DCTC SSM. (Cth: MY1911060833420 atau EI1911041607293) Maklumat <i>reCAPTCHA</i> wajib diisi dan pastikan ruangan " <i>I'm not a robot</i> " pada <i>reCAPTCHA</i> ditandakan dan klik butang " <i>Search</i> ". Sekiranya berjaya, dokumen DCTC yang diakui sah akan terpapar.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
4.	Mengapakah hasil carian nombor siri memaparkan notifikasi " <i>CTC record is valid. The document is not available. Please contact enquiry@ssm.com.my for further clarification</i> "?	Notifikasi ini akan dipaparkan sekiranya carian berjaya dilakukan tetapi imej produk atau dokumen DCTC tidak disimpan di dalam rekod SSM. Bagi sebarang pertanyaan dan aduan, sila kemukakan kepada enquiry@ssm.com.my .
5.	Mengapakah hasil carian nombor siri memaparkan notifikasi " <i>CTC document generated with expired public key. Please contact enquiry@ssm.com.my for further clarification.</i> "	Notifikasi ini akan terpapar sekiranya dokumen DCTC yang dikeluarkan menggunakan <i>public key</i> yang telah luput tarikh. Bagi sebarang pertanyaan dan aduan, sila kemukakan kepada enquiry@ssm.com.my .
6.	Mengapakah hasil carian nombor siri memaparkan notifikasi " <i>Invalid Serial No</i> "?	Notifikasi ini akan terpapar sekiranya kod QR yang diimbas tidak dijana oleh SSM.

Disediakan oleh:

Seksyen Pembangunan Perniagaan
Bahagian Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
31 Oktober 2023